

Pahang dilanda banjir

NIK AMIRULMU'MIN NIK MIN

KUANTAN - Hujan lebat sejak kelmarin menyebabkan beberapa kawasan dinaiki air, semalam.

Antara daerah terbabat termasuk Kuantan, Pekan dan Rompin membabitkan 278 mangsa banjir dipindah sehingga jam 5 petang semalam.

Berdasarkan maklumat Bilik Gerakan Banjir, Ibu Pejabat Polis Kontinjen Pahang, Kuantan mencatatkan jumlah tertinggi iaitu seramai 167 mangsa dipindahkan membabitkan lima kampung iaitu Kampung Galing, Kampung Galing Besar, Kampung Cenderawasih, Kampung Teluk Baru dan Taman Sri Kuantan.

Semua mangsa kini ditempatkan di Sekolah Kebangsaan (SK) Galing, SK Cenderawasih dan balai raya Tanjung Lumpur.

Di Pekan, 60 mangsa dari Kampung Sungai Miang dan Kampung Cenderawasih dipindahkan ke pusat pemindahan di SK Sungai Miang.

Sementara itu, 51 mangsa dari Kampung Perpat, Rompin turut ditempatkan di dua pusat pemindahan iaitu balai raya Lintang dan masjid Perpat.

Berdasarkan pemantauan, hujan mula reda menjelang petang menyebabkan banjir kilat di beberapa kawasan termasuk bandar Kuantan, pulih sepenuhnya.

Antara kawasan terjejas termasuk pusat bandar Kuantan, Bukit Setongkol, Jalan Beserah, Semambu, Air Putih dan Indera Mahkota 8, Kuantan.

Hujan tanpa henti sejak awal pagi turut menyebabkan beberapa laluan dilimpahi air sehingga menyebabkan kesesakan lalu lintas.



Sekitar Jalan Bukit Ubi dinaiki air hingga menyebabkan kesesakan lalu lintas teruk di pusat bandar Kuantan.



SETIU... Beberapa bot yang disediakan oleh Pusat Khidmat Masyarakat Dun Permaisuri memindahkan penduduk di beberapa kampung yang terputus hubungan akibat banjir di Kampung Buluh di sini, semalam.

KUANTAN... Seorang penduduk, Muhd Fikri Dor Raziz, 22, menghubungi keluarganya selepas terkandas di dalam banjir di bandar Kuantan.



KUANTAN... Tengku Mahkota Pahang Tengku Abdullah Sultan Ahmad Shah (kanan) meluangkan masa melawat mangsa-mangsa banjir yang ditempatkan di Sekolah Kebangsaan Galing selepas banjir melanda bandar Kuantan.



PASIR PUTEH... Orang ramai terpaksa meredah air banjir apabila kampung mereka dinaiki air di Kampung Wakaf Bunut, semalam.



SETIU... Seorang penduduk mengharungi air banjir untuk berpindah selepas beberapa kampung di Bandar Permaisuri terputus hubungan.

KOTA BHARU... Kira-kira 2,000 pelajar termasuk kakitangan Universiti Malaysia Kelantan (UMK) Kampus Kota tidak dapat meneruskan aktiviti mereka seperti biasa selepas kawasan tersebut digenangi air sedalam hampir satu meter.



KUANTAN... Sebahagian 131 keluarga menikmati makanan yang disediakan di pusat pemindahan mangsa banjir di Sekolah Kebangsaan Galing.



BESUT... Sebuah lori panjang dengan muatan papan kayu terbalik akibat hilang kawalan di Jalan Kuala Terengganu-Kota Bharu dekat Kampung Renek.



KUANTAN... Pekerja sebuah kedai peralatan sukan Noraini Mohd Hassan, 21, mengemas kasut yang ditenggelami air.